

Agensi perlu TASKA boleh mohon dana

BH 8/2/2020
mls:2

Kerajaan
peruntuk
tambahan
RM30 juta
pastikan negara
peduli wanita

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Agensi Persekutuan yang memerlukan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), terutama yang mempunyai kakitangan bekerja secara syif, boleh memohon dana diperuntukkan kerajaan dalam Belanjawan 2020.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kerajaan memperuntukkan RM30 juta bagi menambah 150 TASKA di tempat kerja sektor awam seluruh negara tahun ini, berbanding 64 dengan kos RM10 juta pada 2019.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, berkata hanya 36 agensi setakat ini memohon peruntukan berkenaan dengan ketuamaan diberikan kepada hos-

pital, sekolah dan agensi Persekutuan yang mempunyai kakitangan bekerja syif.

"Agensi yang membuat permohonan ini juga kita kena periksa, boleh atau tidak. Kita juga perlu fikirkan kalau (agensi) yang sudah ada (TASKA), mereka hendak naik taraf," katanya ketika berucap merasmikan TASKA Parlimen Malaysia, di sini, semalam.

Wan Azizah yang ditemui pemberita kemudian, berkata sehingga Januari lalu, 241 TASKA sudah beroperasi di seluruh negara, selaras iltizam Pakatan Harapan (PH) untuk memastikan negara peduli wanita.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, subsidi yuran TASKA mengikut kadar yuran sebenar atau sehingga RM180 sebulan juga disediakan bagi penjawat awam mempunyai pendapatan isi rumah kurang RM5,000 sebulan.

Sementara itu, beliau menggesa sektor swasta agar turut menyediakan insentif dalam penyediaan penjagaan kanak-kanak bagi pekerja mereka.

"Dasar mesra keluarga amat penting dan menjadi pelaburan jangka panjang dari segi produktiviti pekerja dan kesejahteraan



Dr Wan Azizah menyaksikan persembahan kanak-kanak sempena perasmian TASKA Parlimen Malaysia yang turut disertai Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof (kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

**Kementerian
Pembangunan
Wanita, Keluarga dan
Masyarakat melalui
JKM sudah menambah
baik tatacara
permohonan dan
prosedur penyaluran
peruntukan ini.**

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri

keluarga. Kita mahu ibu bapa mendapat fikiran yang tenteram apabila mengetahui anak mereka dijaga dengan baik dan selamat.

"Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan (JKM) sudah menambah baik tatacara permohonan dan prosedur penyaluran peruntukan ini selepas mengambil kira pengalaman pada tahun lalu," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan, dalam usaha menggalakkan lebih banyak TASKA berdaftar dan mematuhi peraturan berkaitan, diskaun bil elektrik sebanyak 20 peratus turut diberikan

kepada pusat asuhan yang layak di Semenanjung.

"Kita juga dalam usaha menyelaras semula pelbagai pusat jagaan serta pendidikan awal kanak-kanak yang ketika ini di bawah pelbagai agensi, termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

"Penyelarasan semula ini untuk menambahbaik tadbir urus dan memastikan kualiti penjagaan, pendidikan, tenaga pengajar, skop keselamatan serta aspek pemakanan kanak-kanak menepati piawaian ditetapkan," katanya.